

TEORI PERMAINAN DAN APLIKASI STRATEGI KUASA UNTUK MEMIKAT PENGUNDI DALAM PRU 14

(A Game Theory and Application of Power Strategy to Attract Voters in GE 14)

Muhd Afiq Syazwan Ahmdon, Haslina Muhamad, Noor Sulastry Yurni Ahmad & Filzah Md Isa

ABSTRAK

Kuasa politik yang stabil boleh membantu sebuah kerajaan yang sah untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan keharmonian social sesebuah negara. Manakala kuasa politik yang terumbang ambing membawa kepada ketidakstabilan ekonomi yang menjadikan kuasa yang dimiliki pudar dan hilang hingga mengakibatkan peralihan kuasa secara demokrasi mahupun secara kekerasan. Kajian ini bertujuan untuk memahami kuasa politik yang digunakan serta permainan politik oleh parti politik utama di Malaysia, BN dan PR/PH. Kaedah analisis teori permainan digunakan untuk menjelaskan strategi politik yang dipilih oleh BN dan PR/PH. Hasil analisis mendapati kuasa politik yang digunakan oleh BN adalah kuasa keras dan pintar manakala PR/PH menggunakan kuasa lembut yang berteraskan persepsi berbanding BN yang menggunakan paksaan menerusi kuasa yang dimiliki. Kesimpulannya, berdasarkan analisis Teori Permainan, BN menggunakan teori permainan dengan gabungan kuasa keras dan pintar manakala PR/PH pula menggunakan teori permainan yang menggabungkan kuasa lembut dan pintar dalam dua PRU yang lepas. Perincian kajian dinyatakan dalam artikel kajian ini.

Kata kunci : Kuasa politik, kuasa pintar, kuasa lembut, kuasa keras, permainan, pilihanraya

ABSTRACT

A Stable political power can help a legitimate government to maintain the economic stability, and social harmonious of the country. On the contrary, instability of a political power of a country may influence the economic uncertainty due to internal biolence, rebel and distrupcion of power. This could result in losing the democratic transition of power. This study was conducted to gain an in-depth understanding of the political power and the political game practiced by the key political parties in Malaysia namely, BN and PR/PH. Game theory analytical method was utilised to explain the political strategies of both parties. The findings of this study revealed that the political power used by BN was Hard Power whereas PR/PH adopted soft power which is based on perception compared to BN that implemented coercive methods of legislation. As the conclusion based on the analysis of game theory BN had applied the game theory that combined hard and smart political power, while on the other hand, PR/PH had utilised combined soft and smart political power in the previous two GEs. Kedua-dua parti politik, BN dan PR/PH mengamalkan pendekatan teori permainan yang berbeza. Both of the political parties, BN and PR/PH practiced a different game theory approach.

Key words : political power, smar power, hard power, soft power, economic stability, election

PENGENALAN

Kuasa politik dan kestabilan ekonomi adalah saling berhubung. Kuasa ekonomi yang cekap dan baik akan menjadikan ekonomi berkembang disamping mendapat keyakinan para pelabur. Pelaburan masuk ke dalam negara serta keyakinan perniagaan memberikan kesan kepada pertumbuhan ekonomi yang akan dapat dirasai oleh rakyat. Keadaan ini akan menjamin keharmonian di kalangan rakyat seterusnya mendapat kepercayaan untuk mendapatkan kuasa. Hubungan dua perkara ini akan membentuk tingkah laku dan permintaan berpolitik secara demokratik. Hujah ini dipersetujui oleh Gillis *et al.* (1996) bahawa dengan melakukan pembangunan ekonomi, kerajaan harus berupaya untuk mencipta dan mengekalkan kestabilan ekonomi. Penjelasan mengenai kuasa politik dan kestabilan ekonomi harus seiring disebabkan kestabilan ekonomi merupakan penanda aras dalam usaha mencapai status negara maju. Dalam mencapai negara maju, kuasa politik penting dalam perencanaan model ekonomi, dari konteks kemunduran serta perkembangan ekonomi (Mohamed Ariff dan Abu Bakar, 1999; Ranta, 2017; Murugesu, & Sakaran, 2018). Kuasa politik yang diperolehi melalui kaedah yang diperuntukkan seperti di Malaysia melalui demokrasi, mendapat keabsahan kuasa melalui pilihan raya (Abdullah, 2017). Menerusi keabsahan kuasa, Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat/Harapan (PR/PH) menggunakan isu berkaitan ekonomi yang diterjemah menerusi manifesto serta media sebagai alat hebahan bagi mendapatkan sokongan daripada rakyat.

Kemunculan media baharu yang menukar cara penyampaian maklumat dengan sangat pantas dan cepat tanpa kawalan telah mengakibatkan pilihanraya di Malaysia mengalami perubahan transformasi berbanding tahun sebelum PRU ke-12 dan 13. Strategi yang digunakan oleh PR/PH bagi mendapatkan kuasa menerusi media baharu menjadi senjata utama dalam usaha memenangi hati rakyat untuk meraih undi (Zakaria & Sulaiman, 2008; Salman & Hasim, 2011; Hassan *et al.*, 2016). Manakala BN gagal menerajui kepantasan teknologi ini semenjak tahun 2008 kerana mereka masih bergantung kepada pengawalan ke atas media utama seperti TV, radio dan surat khabar dalam merencanakan pelbagai strategi politiknya. Hal ini berlaku apabila BN tidak menggunakan peluang yang ada berbanding PH yang menguasai sepenuhnya media alternatif (Salman & Hasim, 2011). Ternyata strategi yang dipilih dalam mendapatkan kuasa adalah berdasarkan kepada strategi ekonomi dengan menggunakan tiga cara kuasa iaitu kuasa lembut, kuasa keras dan kuasa pintar (Ong, 2018).

Kawalan ke atas tiga kuasa ini, menjadikan BN dan PH berupaya mengawal psikologi rakyat untuk mendapatkan kuasa yang diinginkan. Kuasa dalam politik merupakan perkara utama bagi menjalankan dasar yang dirangka dalam manifesto. Secara asasnya, artikel ini mengupas dan memahami penggunaan kuasa lembut, kuasa keras digabungkan menjadi kuasa pintar dengan mempromosikan BN dan PR/PH mendapatkan kesetiaan tanpa berbelah bagi daripada rakyat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat dan membandingkan kuasa yang digunakan dalam strategi permainan politik BN dan PR/PH dalam PRU ke-14.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasi analisis matematik teori permainan bagi mengukuhkan perbincangan (Graboś, 2005; Micklich, 2014). Kaedah kualitatif ini menggunakan dokumen seperti manifesto, di samping pemerhatian, bagi menilai dan pemerhatian dalam menilai serta memahami situasi kajian kes yang dipilih. Dokumen yang digunakan bagi pengumpulan data adalah manifesto daripada PRU ke-13 dan PRU ke-14 yang digunakan bagi menilai strategi yang digunakan oleh BN dan PR/PH. Kaedah analisis yang digunakan adalah menggunakan perisian ATLAS.ti versi 8 dengan teknik analisis kandungan bagi proses penetapan tema dan membentuk sub topik bagi tema yang dibentuk. Pemerhatian dilakukan pada masa PRU ke-13 dan sebelum berlakunya PRU ke-14 yang akan berlangsung pada 9 May 2018 dan tamat pada hari yang sama. Hasil daripada analisis kandungan dan pemerhatian digunakan, teori permainan

digunakan bagi merangka model kebarangkalian. Hasil daripada analisis kandungan dan pemerhatian, teori permainan diaplikasikan untuk merangka teori kebarangkalian hasil kandungan analisis kualitatif.

SOROTAN KARYA


Kuasa Keras

Kuasa keras adalah bentuk kuasa yang sangat mudah dan mengikut keinginan individu (Pallaver, 2011a). Kuasa keras adalah sejenis kuasa lama berbanding kuasa lembut yang lebih rumit. Kuasa keras dapat dilihat secara kasar dan praktikal serta boleh dinilai dan dilihat. Kuasa keras ditakrifkan sebagai keupayaan untuk mendapatkan apa yang dingini dengan menggunakan kuasa ekonomi atau tentera mahupun polis dengan memperkenalkan pelbagai akta yang mengekang (Pallaver, 2011b). Dengan kekuasaan keras yang digunakan diyakini boleh mengancam pihak lain demi memastikan keabsahan kuasa dimiliki. Secara kasarnya, penggunaan kuasa keras memerlukan sumber yang banyak serta kos yang tinggi bagi menjalankan strategi kuasa keras. Perkara yang dikaitkan dengan sumber dan kos adalah dengan memberikan tekanan atau habuan kepada aset yang digunakan. Kuasa keras kebanyakannya digunakan oleh kerajaan yang memerintah secara autoritarian dengan mengawal sepenuhnya aset ekonomi dan ketenteraan (Nye, 1990 dalam Mustonen, 2010; Wagner, 2005; Wilson, 2008).

Kriteria bagi mengenalpasti kuasa keras adalah dengan dua perkara iaitu: 1) dorongan dan 2) paksaan. Selain itu, kriteria lain seperti ancaman juga merupakan elemen penting kepada penggunaan sumber yang dimiliki. Ancaman adalah petanda penggunaan kuasa keras. Tanpa mengira siapa yang menggunakan ancaman, penggunaan kuasa keras baerkebolehan untuk menggunakan ancaman bagi mendapatkan kuasa. Dari konteks ekonomi pula, dorongan ekonomi menjadikan kuasa keras sebagai strategi untuk mengekalkan kuasa ekonomi sesebuah parti (Wagner, 2005). Penguasaan ekonomi akan menjadikan kuasa keras yang digunakan semakin kuat dengan mewajibkan orang di bawah melaksanakan dan mempercayai apa yang diingini. Perkara ini menjadi penyebab penting kepada kepatuhan orang bawahan kerana mereka tidak mempunyai pilihan.

Namun begitu, terdapat juga perspektif positif dalam penggunaan kuasa keras dalam aspek kuasa ekonomi yang dimiliki. Pihak kerajaan boleh memberikan ganjaran tertentu bagi mendapatkan kuasa berbanding pihak lawan yang tidak mempunyai kuasa ekonomi untuk ditawarkan kepada rakyat. Pemberian ganjaran ini merupakan rasuah politik kerana memberikan sesuatu ganjaran, imbuhan, dorongan untuk seseorang mendapatkan sesuatu adalah merupakan cara yang tidak sihat. Ganjaran dalam politik bukan dalam bentuk kewangan semata-mata kerana sering dikaburi dengan kuasa yang dimiliki selaku pemerintah. Contohnya pembangunan, naik taraf perkhidmatan dan fasiliti tertentu, pengumuman projek, pemberian tender dan sebagainya. Secara analoginya, pemberian ganjaran adalah satu strategi penggunaan kuasa keras bagi pihak yang memiliki kuasa. Berbanding dengan pihak lawan yang tidak mempunyai kuasa adalah sangat sukar untuk mendapatkan kepatuhan rakyat.

Rajah 1 Anatomi kuasa keras



Sumber: Diubah dari Pallaver, (2011)

Rajah 1 menunjukkan kuasa keras boleh dilihat sebagai kesinambungan dari segi keupayaan untuk menjadi keras hasil dorongan kepada paksaan. Paksaan dikaitkan dengan penggunaan kekerasan. Penggunaan kekerasan adalah penggunaan menerusi ketenteraan, polis dan ekonomi dengan niat untuk mempengaruhi tingkah laku orang lain. Paksaan adalah kategori umum yang terdiri daripada darjah yang berbeza intensiti. Walau bagaimanapun, paksaan mempunyai kaitan dengan penggunaan kekerasan. Oleh kerana "kuasa" adalah satu konsep yang sukar didefinisikan, adalah lebih baik untuk mengatakan bahawa paksaan mempunyai kaitan dengan keganasan dan lebih tepat dengan keganasan fizikal. Kekerasan, boleh dilihat sebagai ciri yang positif di mana parti politik yang memegang kuasa mempunyai keupayaan dan kesanggupan untuk melakukan perkara-perkara yang baik untuk diri sendiri, rakyat mahupun negara yang boleh dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Dalam konteks ini, ia adalah adalah satu istilah yang sukar difahami serta mudah disalaherti. Dalam konteks lain, paksaan mewakili suatu keupayaan untuk mengenakan kekerasan ke atas pihak lain.

Kuasa Lembut

Kuasa lembut adalah kuasa yang berlawanan dengan kuasa keras yang dikaitkan dengan dorongan atau paksaan. Kuasa lembut pula berada di atas keupayaan untuk membentuk pilihan menerusi daya penarik dan godaan (Nye, 2004). Pengaruh tidak boleh disamakan dengan kuasa lembut kerana ia merupakan sebahagian daripada kuasa keras. Kuasa lembut adalah pujukan dan keupayaan untuk menggerakkan individu dengan kata-kata yang baik. Selain itu, kuasa lembut mempunyai keupayaan untuk menarik atau menggalakkan dan berakhir dengan persetujuan. Sumber kuasa lembut adalah menerusi aspek yang menghasilkan daya tarikan iaitu persepsi. Aspek kriteria menentukan kuasa lembut adalah sukar ditentukan berbanding kuasa keras kerana memerlukan kumpulan fokus yang berkait rapat dengan kuasa yang dimiliki. Masalah yang dihadapi adalah penentuan kriteria tidak boleh digunakan sepenuhnya kerana melibatkan kepentingan konflik.


Kuasa lembut diperkenalkan oleh Nye (2004) sebagai ganti kepada kuasa keras. Kuasa lembut bukanlah sebahagian daripada kuasa keras, namun sebagai satu jenis bentuk kuasa yang lain bagi menjelaskan mengenai kuasa. Peningkatan kapasiti kuasa adalah sebagai kejayaan dalam politik. Pallaver (2011) menegaskan kebanyakan penyelidik suka untuk membezakan antara kuasa lembut dengan kuasa keras kerana penjelasan yang kabur mengenai analisis konseptual dan teoritikalnya. Dengan ini menjelaskan bahawa kuasa lembut boleh difahami sebagai pra-politikal dan bukan politikal yang bergantung kepada struktur sosial (Pallaver, 2011; Shah *et al.*, 2016). Perkara penting dalam membezakan antara kuasa lembut dan kuasa keras adalah dengan memahami secara konseptual dan bertindak sewajarnya dengan memilih instrumen sama ada kuasa lembut atau kuasa keras. Bagi membuat pentafsiran pemilihan bentuk kuasa yang dipilih, perkara penting yang perlu dikenal pasti adalah "legitimasi". Kuasa keras boleh bertindak tanpa legitimasi manakala kuasa lembut perlu dan seharusnya bertindak sekiranya legitimasi diperoleh. Kuasa lembut akan bertindak selagi strategi dan objektif yang ingin dicapai, akan dilihat sebagai legitimasi yang sah. Kuasa lembut ini berjaya sekiranya orang bawahan dalam skop politiknya adalah rakyat, dapat menerima segala arahan dan maklumat yang disampaikan tanpa penolakan mahupun bantahan.

Selain itu, terdapat ciri kuasa lembut lain yang perlu difahami iaitu "pengaruh". Kuasa lembut adalah mengenai pengaruh, namun bukan semata-mata pengaruh. Frasa ini tidak dikaitkan secara langsung dengan legitimasi kerana pengaruh boleh berada dalam kategori kuasa keras dan kuasa lembut. Dalam kuasa keras, pengaruh dikaitkan dengan ancaman dan bayaran. Pengaruh juga kadangkala mempunyai makna yang keliru yang berkait rapat dengan kuasa (Pallaver, 2011). Mereka yang menggunakan kuasa lembut harus memikirkan mengenai pelbagai kaedah, tingkah laku dan strategi yang membawa kepada hasil yang diinginkan. Perkara penting bagi penggunaan kuasa lembut

adalah “pujukan” atau menggerakkan sekumpulan individu dengan maklumat yang menarik dan diyakini.

Sumber kuasa lembut menggunakan pelbagai cara tanpa menggunakan sebarang kekerasan dan juga duit sebagai pembayaran dan habuan untuk mendapatkan kerjasama bagi menerima segala teknik pujukan yang digunakan. Kuasa keras dan kuasa lembut berkait rapat kerana tujuan utama kedua-dua kuasa tersebut adalah untuk mencapai matlamat bagi mengekalkan kuasa yang diperoleh serta mendapatkan kuasa. Rajah 1.2 menunjukkan kebarangkalian seseorang menggunakan sumber kuasa. Kuasa arahan (*command*) ditakrifkan sebagai keupayaan mengubah tindak tanduk individu yang bergantung kepada dua aspek iaitu paksaan dan dorongan. Kuasa turut serta (*Co-optive*) pula ditakrifkan sebagai keupayaan untuk merubah bentuk yang diinginkan yang bergantung kepada penetapan agenda politik dan daya persep menerusi idea.

Rajah 2: Sumber Kuasa



Sumber: Diubahsuai daripada Pallaver, (2011)

Sumber kuasa lembut cenderung untuk dikaitkan dengan ‘kuasa turut serta’ manakala kuasa keras selalunya dikaitkan dengan kuasa arahan (Nye, 2004). Hubungan yang dinyakan Nye ini bukan merupakan hubungan sempurna kerana sumber kuasa yang digunakan berbeza mengikut lanskap politik, ideologi dan objektif yang ingin dicapai yang akhirnya akan menjurus kepada legitimasi. Perkara yang sama juga berlaku apabila sumber ekonomi digunakan, belum menjamin kuasa dapat digunakan kerana bergantung kepada nilai ideologi yang dipercayai. Perkara ini merujuk kepada maklumat yang diperoleh melalui sumber-sumber bebas yang lain tanpa halangan dan tapisan daripada kerajaan yang memerintah digunakan oleh United Kingdom, Germany, Amerika Syarikat, France, dan Kanada (Soft Power 30 Ranking).

Kuasa Pintar


Kuasa pintar merupakan sejenis kuasa yang mengintegrasikan kuasa lembut dan kuasa keras. Kuasa pintar bukanlah sejenis bentuk kuasa baharu tetapi merupakan gabungan kuasa lembut dan keras dalam melebarkan kuasa ke setiap lapisan masyarakat. Pemilihan kuasa pintar adalah keupayaan untuk mempengaruhi pihak lain untuk mencapai objektif yang diinginkan. Perkara asas bagi kuasa pintar adalah konteks politik yang digunakan termasuk ideologi, cara pemerintahan, dasar, penarikan dan peluasan kuasa serta penyebaran maklumat. Kuasa pintar diperkenalkan oleh Nye (2006). Menurut Nye (2006), kuasa pintar bukan kuasa lembut dan kuasa keras bahkan merupakan gabungan sumber dan kaedah kedua kuasa tersebut. Dalam konteks ini, kuasa pintar membangunkan gabungan strategi, sumber asas dan sekumpulan strategi untuk mencapai objektif. Kuasa pintar melebihi kuasa lembut dan kuasa keras tetapi bukan sebagai pilihan kuasa ketiga. Dalam erti kata lain, kuasa pintar merupakan kaedah, pendekatan dan strategi mengabungkan dua kuasa utama menjadi kuasa yang lebih sistematik dan komprehensif yang memberikan parti politik untuk memilih cara terbaik bagi mendapatkan dan melebarkan kuasa.

Kuasa pintar juga boleh dianalogikan sebagai penetapan agenda struktur politik bagi mencapai objektif yang ingin dicapai. Kuasa pintar adalah merupakan proses mendapatkan pilihan politik yang sedia ada secara komprehensif. Proses yang terlibat bagi analisis adalah objektif, matlamat, impak pilihan, dan rangka kerja sebagai kaedah untuk menilai pilihan yang dibuat. Strategi yang dipilih merupakan strategi yang bersangkutan dengan ekonomi kerana mencerminkan kekuasaan yang tidak terhingga dalam menerajui dan mentadbir kerajaan secara keseluruhannya. Teori permainan juga digunakan dalam menjelaskan penetapan kuasa yang dipilih dalam menjelaskan mengenai strategi ekonomi yang dikenal pasti bagi mendapatkan sokongan rakyat terbanyak (Mohammed, 2008).

Teori Permainan

Model asas teori permainan adalah kaedah bagi mengilustrasikan permainan yang mempunyai prinsip tersendiri. Prinsip paling penting dalam teori permainan adalah peraturan, sebagaimana peraturan permainan bola, catur, besbol dan sebagainya. Dalam mengaplikasikan teori permainan dalam sistem politik Malaysia beberapa peraturan asas perlu ada iaitu:

Rajah 4: Asas Model Teoritikal Teori Permainan



Sumber: Diubahsuai daripada Prisner (2014)

Model permainan strategik berpaksikan kepada pembuatan keputusan. Dalam aplikasi model ini kepada situasi yang mana pembuat keputusan bergerak secara seiring, mereka memilih pelan dan dasar tindakan yang benar-benar memberikan manfaat kepada mereka. Setiap strategi yang dipilih adalah merupakan hasil analisis daripada maklumat yang diterima. Dalam konteks politik, model ini menjadikan politik Malaysia sesuai untuk digunakan kerana setiap parti (sebagai pemain utama) mempunyai kepentingan tersendiri dan kepentingan (hasil) setiap pemain adalah berbeza (rakyat). Politik dan kuasa adalah sangat penting dalam menjadikan keputusan yang dikemukakan adalah sah dan diterima oleh rakyat. Sebelum melihat dan memahami aplikasi model permainan strategik, definisi model ini perlu difahami dengan lebih jelas dan lanjut. Model ini mempunyai beberapa tahap berdasarkan kepada iaitu strategi campuran yang melibatkan maklumat yang tidak lengkap meliputi memaksimumkan, merasionalisasikan dan merevolusi keseimbangan (Osborne, 2004). Model ini menfokuskan kepada Teori Keseimbangan Nash sebagai pelopor kepada teori tersebut. Seterusnya model ini berkembang menjadi Permainan Lanjutan (Extensive Games).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PRU-12 telah memberi lembaran baru kepada lanskap politik Malaysia serta menafikan kuasa yang dimiliki oleh BN selama berdekad sejak merdeka. Sebagai perubahan yang berlaku dalam lanskap serta pengurangan kuasa bagi BN dan pelebaran kuasa bagi PR/PH, memberikan satu dimensi baharu dalam analisis mengenai strategi yang digunakan bagi meraih undi daripada rakyat terbanyak. Keadaan ini telah memberikan satu dimensi bahawa strategi yang digunakan oleh BN sekian lama tidak lagi relevan dengan kemuncak media baharu yang menjadi medium dan alat senjata terpenting bagi PR/PH (Jing, 2017). Bagi mendepani PR/PH, BN telah mengubah strategi dengan menguasai media aliran baharu seperti Facebook, Twitter, portal blog, laman web dan pengiklanan digital seperti *Google ads* dan *Yahoo*. Perkara utama dalam pertarungan politik adalah manifesto bagi setiap parti gabungan. Bagi memahami strategi yang digunakan dalam mengekalkan, meluaskan kuasa dan kaedah yang digunakan, manifesto PRU setiap parti gabungan digunakan bagi memahami mengenai strategi mendapatkan undi.

Manifesto PRU-13 dan PRU-14

Manifesto pilihan raya menjadi sangat kritikal bagi analisis ini kerana sejak 2008, gabungan pakatan pembangkang iaitu PR/PH telah berjaya mengambil alih kuasa daripada BN serta menafikan majoriti dua pertiga kerusi Parlimen (Omar *et al*, 2008). Hasil keputusan pasca PRU 2008 juga telah mengubah lanskap politik Malaysia yang sekian lama didominasi oleh BN. Dengan pengambil alihan kuasa tersebut, PR/PH telah dibentuk secara rasminya sebagai kesatuan politik pada 2009. Keadaan ini telah menjurus sistem politik Malaysia kepada dua sistem parti. Sebelum penggabungan tersebut, PKR, PAS dan DAP menggunakan manifesto yang berlainan yang mencerminkan ideologi setiap parti. Setelah proses pergabungan, manifesto PR/PH juga lebih tersusun dan mempunyai visi serta misi yang sama. Menerusi gabungan tersebut, PR/PH merangka dasar parti gabungan dengan pelancaran Buku Jingga pada 19 Disember 2010 yang menjadi asas dalam pembentukan manifesto pada PRU ke-13 dan diteruskan pada PRU-14 yang membuka tirai pada 9 Mei 2018.

Jadual 1: Slogan Manifesto PRU ke-13 dan PRU ke-14

Parti	PRU ke-13	PRU ke-14
BN	Menepati Janji, Membawa Harapan (32 muka surat)	Bersama BN Hebatkan Negaraku (220 muka surat)
PR/PH	Manifesto Rakyat: Pakatan Harapan Rakyat (38 muka surat)	Membina Negara Memenuhi Harapan (203 muka surat)

Sumber: Diubahsuai daripada Lee (2013)

Pada PRU ke-13, BN menggunakan perkataan “Janji” sebagai intipati manifesto dengan yakin bahawa segala perancangan telah ditunaikan serta memberikan ‘Harapan’ kepada rakyat. BN juga menggunakan pencapaian sebelumnya sebagai indikator janji yang telah tertunai. Janji yang dimeterai BN dalam manifesto adalah strategi yang membawa kesan buruk sekiranya tidak tertunai. Sekiranya tidak tertunai kebarangkalian BN kalah dalam PRU akan datang adalah tinggi kebergantungannya kepada keutuhan gabungan PR/PH. Menerusi manifesto PRU ke-14, BN mengubah strategi manifesto dengan mengajak rakyat bersama memacu Malaysia ke arah negara maju. Penggunaan perkataan “Bersama” menunjukkan BN mohon untuk memberikan peluang sekali lagi untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat.

Bagi PH (dulu dikenali sebagai PR) pada PRU ke-13 selepas gabungan rasmi PR, manifesto yang diperkenalkan adalah hasil daripada garapan Buku Jingga dengan memfokuskan kepada pendidikan percuma, penurunan harga minyak, penurunan harga kereta serta membanteras rasuah. Fokus utama PR/PH adalah menggunakan segala kapasiti kepakaran profesionalisme dengan memberikan penerangan yang lebih mudah difahami oleh rakyat. Pada PRU tersebut, manifesto PR/PH lebih tersusun dan bersedia mencabar kewibawaan BN dengan menggunakan segala sumber dalaman kerajaan bagi memperkenalkan manifestonya berbanding PR yang lebih dekat dengan rakyat dari segi isi kandungannya dengan media baharu. Pada PRU ke-14, sama seperti BN, PR/PH juga menggunakan kaedah mengajak rakyat untuk “Membina Negara” demi memenuhi harapan rakyat. Manifesto PR/PH pada PRU ke-14 lebih menfokuskan agenda sosialis dengan penggunaan perkataan “Harapan” yang dibawa daripada manifesto PKR pada PRU ke-12 yang menfokuskan kepada harapan baharu untuk Malaysia.

Dari konteks penggunaan muka surat, BN menggunakan 220 berbanding PR/PH hanya 203 muka surat. Berbeza dengan manifesto pada PRU ke-13, kedua-dua parti menambah bilangan muka surat lebih 100% pada PRU ke-14. Dari segi penggunaan kandungan, BN menggunakan ilustrasi bergambar menunjukkan cara hidup rakyat Malaysia. Selaian itu, dalam manifesto ini juga BN menggunakan 15 ilustrasi gambar serta menggariskan 14 teras manakala, di muka terakhir gambar menunjukkan bahawa manifesto BN meliputi keseluruhan Malaysia dengan meletakkan logo BN di peta Malaysia. Manakala PR/PH, jika sebelum ini lebih suka menggunakan ilustrasi gambar, pada PRU ke-14 mereka lebih fokus kepada kandungan tanpa menyelitkan gambar. Gambar yang digunakan hanya pada muka hadapan manifesto dengan meletakkan logo gabungan PR/PH.

Jadual 2: Manifesto PRU ke-12 dan 13

	PRU ke-13		PRU ke-14	
	BN	PR	BN	PH
Ekonomi				
Pekerjaan	•	•	•	•
Kos hidup	•	•	•	•
Harga minyak		•		•
Bantuan pendapatan	•	•	•	
SME/SMI	•	•		
Pembaharuan cukai	•	•		•
Gaji minimum		•	•	•
FDI	•	•		
Pekerja asing		•	•	•
Dasar persaingan		•		•
Pembangunan				
Kemiskinan	•	•	•	•
Pembangunan luar bandar	•	•	•	•
Pembangunan wilayah		•		•
Utiliti - air, elektrik	•	•	•	•
Pertanian			•	•
Felda		•	•	•

Kualiti hidup				
Perumahan	•	•	•	•
Kesihatan	•	•	•	•
Pengangkutan awam	•	•	•	•
Penjagaan kanak-kanak			•	•
Pendidikan				
Elaun	•		•	•
Latihan/ Vokasional	•	•	•	•
Fasiliti	•	•	•	•
Pendidikan percuma		•		•
Sekolah kebangsaan	•	•	•	•
Biasiswa		•		•
Pendidikan tinggi		•		•
Inovasi		•	•	•
Keselamatan				
Keselamatan awam	•	•	•	•
Kadar jenayah	•	•	•	•
Pendatang asing	•		•	•
Polis/ ATM	•	•	•	•
Sektor awam/ GLC				
Kualiti perkhidmatan awam	•	•	•	•
Gaji sektor awam	•	•		
Swasta	•	•		
Monopoli/ kronisme		•		•
GLC		•	•	•
Pentadbiran				
Rasuah	•	•	•	•
Pembelian awam		•		
Proses pilihan raya		•		•
Media		•		•
ISA, OSA, UUCA		•		
Mahkamah		•	•	•
Kesaksamaan dan perpaduan sosial				
Islam	•	•	•	•
Alam sekitar	•	•	•	•
Sumber alam	•	•	•	•
Warga Emas		•	•	•
Belia	•		•	•
Persaraan			•	•
Wanita	•	•	•	•
Perniagaan bumiputera	•		•	•

Kaum lain (India/ Cina)	•	•	•
Orang Asli	•	•	•
OKU		•	•

Sumber: Diubahsuai daripada Lee (2013:4)

Kuasa Politik dan Strategi Ekonomi


Perdebatan politik Malaysia adalah sangat unik kerana strategi manifesto tidak pernah padam walaupun PRU ke-13 sudah melabuhkan tirai pada bulan Mei 2013. Keadaan ini mencerminkan bahawa perdebatan politik Malaysia adalah mengenai perdebatan mengekalkan kuasa sedia ada serta mendapatkan kuasa. Kuasa yang diperoleh akan dipertahankan tidak mengira sama ada ia bakal mengakibatkan kesan langsung dan tidak langsung kepada rakyat. Perkara penting dalam kuasa ini adalah strategi mendapatkan kuasa. Faktor paling signifikan dalam mendapatkan kuasa adalah dengan mempengaruhi dan mendapatkan sumber-sumber ekonomi. Kuasa politik yang diperoleh akan membolehkan sumber ekonomi itu dikawal dan populasi rakyatnya (Rose & Miller, 1992; Miller & Rose, 2017). Parti yang mengawal kekayaan juga berkecenderungan untuk memiliki lebih kuasa (Murray & Chesters, 2012). Berdasarkan kepada pernyataan ini, kuasa politik yang dimiliki akan menjadikan parti politik itu dipandang tinggi oleh rakyat.

Bagi mendapatkan kuasa yang diinginkan, strategi politik harus digunakan sebaik mungkin. Strategi politik paling berkesan adalah dengan mendapatkan sumber ekonomi yang berkait rapat dengan psikologi rakyat. Dalam hal ini, ekonomi merupakan faktor terbesar yang memberikan kesan terhadap sokongan kepada parti tertentu. BN sebagai kerajaan yang memegang kuasa menggunakan kapasiti kuasanya dengan memberikan maklumat ekonomi yang sentiasa baik. Bagi PR/PH pula, ekonomi merupakan cara terbaik menunjukkan bahawa kerajaan BN tidak mampu mengawal ekonomi dengan berkesan yang sering mengaitkan dengan kejatuhan ringgit, inflasi, hutang kerajaan, dan gaji. Strategi ekonomi ini merupakan perkara penting yang sering di ulang tayang dalam media berpaksikan PR iaitu *MalaysiaKini*, *Malaysia Insider*, *Malaysia Today* dan *The Edge*. Manakala bagi BN pula banyak menggunakan media perdana iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia, Sinar Harian, The Star dan The New Strait Times termasuk RTM dan Media Prima (Muhamed, 2008; Sani, 2009).

Strategi ekonomi digarap dalam semua aspek mendapatkan kuasa seperti rajah 1.3 dibawah. Strategi Kuasa keras, kuasa lembut dan kuasa pintar digunakan bagi mendapatkan sokongan rakyat bagi mendapatkan kuasa.

Dalam analisis manifesto dan bajet, strategi yang difokuskan adalah strategi ekonomi. Strategi yang digunakan oleh BN ada lebih kepada pengekaluan kuasa kerana BN memegang kuasa sebelum merdeka dan Malaysia di bina atas kapasiti BN selaku parti pemerintah utama. BN juga merupakan parti tunggal paling lama bertahan sehingga melebihi 50 tahun pemerintahan sejak 1952 (Muhamed, 2008). Sehingga tahun 2015, tiada satu pun parti politik yang dapat mengambil alih kuasa daripada BN disebabkan perkauman, permuafakatan, pecah dan perintah, pengawalan dan pembangunan (Muhamed, 2008). Lebih lagi, Muhamed juga turut menegaskan BN menggunakan kawalan demokrasi dengan penggunaan akta seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan Akta Universiti dan Kolej (AUKU). Penggunaan akta perundangan ini adalah bagi menjamin kawalan sepenuhnya dan pemerksaan yang menjadi agenda penting dalam pemerintahan BN. Oleh sebab itu, strategi kuasa yang digunakan oleh BN adalah kuasa keras. Selain itu, BN juga menggunakan segala media dan saluran bagi menyampaikan maklumat serta menangkis segala tohmahan daripada PR/PH. Bajet dan manifesto BN juga menjangkau seluruh Malaysia dengan saluran media yang dimiliki.

Rajah 3: Model Strategi Kuasa BN dan PR/PH



Berbeza dengan BN, PR/PH menggunakan strategi kuasa lembut dengan menggunakan saluran bebas yang hanya dapat diakses oleh golongan bandar dan bukannya luar bandar. Keadaan sedemikian berlaku kerana, kawasan luar bandar tidak mempunyai akses internet yang kuat serta talian telefon berkelajuan 4G juga terhad walaupun kebanyakan penduduk luar bandar beransur-ansur bertukar kepada telefon pintar. Hal ini jelas, apabila peratusan undian luar bandar adalah kurang berbanding bandar (Besar, *et al.*, 2014). Walaupun PR/PH cuba mempengaruhi dengan dorongan seperti ceramah, menggunakan saluran internet dan sebagainya bagi mendapatkan kuasa, BN menggunakan kapasiti sebagai pemerintah untuk menggunakan pelbagai akta bagi mengawal strategi yang dilakukan oleh PR/PH. Hal ini mencerminkan pilihan kuasa yang digunakan bagi mendapatkan dan mengekalkan kuasa. Walaupun pengaruh kepartian dan individu jelas mempengaruhi sokongan, strategi ekonomi akan menjadikan sokongan rakyat terbanyak semakin menebal.

Kestabilan ekonomi memainkan peranan penting sekiranya strategi ekonomi digunakan dalam mendapat dan mengekalkan kuasa. Kestabilan ekonomi harus didominasi dengan keadaan mata wang yang stabil (Mohammad, Borhan, & Sulaiman, 2014), inflasi terkawal, harga barangan komoditi yang rendah serta dipacu pertumbuhan ekonomi mapan. Faktor perbelanjaan kerajaan juga sangat penting sekiranya strategi ekonomi diambil kira. Kestabilan ekonomi yang baik akan menjadikan sokongan rakyat terbanyak menjadi kuat walaupun menerima kritikan PR/PH, BN sebagai parti pemerintah berupaya untuk melebarkan kembali kuasanya dan mendapatkan sokongan tanpa belah bagi pada PRU akan datang.

Analisis Teori Permainan BN dan PR/PH

Analisis menerusi Teori Permainan digunakan bagi mendapatkan pemahaman mengenai strategi yang digunakan oleh parti politik untuk memenangi “permainan” dalam perebutan mendapatkan undi.

Perebutan undi daripada BN dan PR/PH (pemenang) bagi setiap kawasan permainan yang digunakan. Dalam konteks politik, tempat permainan ini adalah kawasan pengundian dan strategi yang digunakan semasa tempoh berkempen yang diberikan sejak penamaan calon. Dalam tempoh tersebut, parti politik akan menyenaraikan beberapa strategi bagi meraih undi. Dalam erti kata lain, “permainan” politik adalah cara untuk mendapatkan keabsahan kuasa untuk memerintah dan menjalankan dasar yang dibentangkan dalam manifesto. Dalam teori permainan terdapat beberapa peraturan asas yang perlu dikenalpasti bagi memastikan teori ini dapat menentukan kaedah terbaik untuk parti politik memenangi undian, antaranya:

Pemain	=	<i>BN dan PR/PH</i>
Maklumat	=	<i>maklumat pengundian melibatkan statistik pola pengundian, faktor sejarah, kekuatan parti, kawasan pengundian, dan corak pengundian di kawasan yang terlibat</i>
Strategi	=	<i>ekonomi, pembangunan, kos sara hidup, Pendidikan, sektor awam, tadbir urus, dan keadilan sosial</i>
Strategi	=	<i>Manifesto pilihan raya</i>
Hasil	=	<i>andaian hasil daripada maklumat yang diterima, pemain (BN atau PR/PH) akan mendapat kuasa daripada pengundian</i>

Daripada maklumat di atas, parti politik akan cuba mendapatkan seberapa banyak maklumat bagi menerapkan strategi yang akan digunakan. Menerusi strategi tersebut, parti politik yakin akan dapat mendapat seberapa banyak sokongan dengan formula berikut bagi mendapatkan gambaran mengenai hasil yang akan diterima.

$$U = s - t(m - x_i)$$

Yang mana nilai $s > 0$ adalah nilai kasar bagi setiap pengundi yang dikaitkan dengan maklumat pengundian, manakala parameter $t > 0$ mengukur kesan buruk daripada tindakan atau proses pengundian bagi BN atau PR/PH yang berlainan daripada apa yang diinginkan pengundi.

Pengundi yang mempunyai keinginan terhadap pengundian bagi memilih BN atau tidak diwakili oleh

$$s - t(\tilde{m} - x_L) \quad s - t(\tilde{m} - x_R)$$

Formula di atas dapat diselesaikan dengan mengenalpasti kedudukan pengundi:

$$\tilde{m} = \frac{x_L + x_R}{2}$$

Sumber: Diubah suai daripada Lambertini (2011)

Hasil daripada persamaan di atas ditunjukkan seperti berikut. Undian bagi pemilih diwakili dengan x_R dan x_L diasingkan secara adil antara BN dan PR/PH. Secara umumnya, BN mahupun mana-mana parti yang bertanding akan mempunyai kawasan pilihan yang diyakini boleh dimenangi yang diukur oleh x_L bagi parti PR/PH dan $1 - x_R$ bagi BN masing-masing. Syarat bagi permainan ini melibatkan dua jarak antara dua parti iaitu BN dan pembangkang di lokasi permainan (tempat pengundian adalah kawasan). Hasil daripada pengundian ditentukan oleh keputusan PRU yang dinyatakan. Sebagai satu ciri penting model yang dinyatakan di atas, setiap parti sama ada BN dan PR/PH hanya mementingkan hasil daripada pengundian. Tidak seperti pengundi, hasil keputusan pilihanraya bukanlah semata-mata isu ekonomi yang dimaklumkan kepada mereka semasa tempoh berkempen, tetapi yang penting adalah siapa yang bertanggungjawab sebagai pemegang kuasa perlu memberikan perkhidmatan terbaik. Dalam erti kata lain, calon pilihan raya dan parti tidak memikirkan secara langsung kesan luaran daripada tindakan dalam pilihan raya memberi kesan kepada komuniti

dan masyarakat. Apa yang penting adalah memenangi pilihan raya. Itu adalah matlamat utama BN dan PR/PH (pemain) dalam proses mendapatkan kuasa.

KESIMPULAN

Hasil daripada analisis mendapati kuasa politik yang digunakan oleh BN dalam PRU ke-14 adalah kuasa keras dan pintar manakala PR/PH menggunakan kuasa lembut yang berteraskan persepsi berbanding BN yang menggunakan paksaan menerusi kuasa yang dimiliki. Selain itu, kajian ini juga menyimpulkan bahawa strategi yang digunakan oleh BN dan PR/PH saling melengkapi antara satu sama lain, namun agenda utama bagi BN dan PR/PH adalah kuasa serta cara menyebarkan, mengekalkan, dan mendapatkan kuasa. BN dengan kuasa keras dan kuasa pintar mempunyai keupayaan untuk mengekalkan kuasa berbanding PR/PH yang hanya bergantung pada kuasa lembut dan kuasa pintar bagi menadaptkan kuasa. Permainan politik BN dan PR/PH dengan menggunakan strategi ekonomi pada masa akan datang bagi mendapatkan semula kuasa tanpa mengira kesan dan impak hasil daripada perebutan kuasa. Sekiranya perkara ini berlarutan sekian lama, berkemungkinan besar segala polisi dan dasar bagi memacu Malaysia ke arah negara yang maju dan berdaya saing mungkin gagal dicapai. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa kuasa keras BN menjadikan BN sukar untuk menerima teguran dan kritikan PR/PH kerana keegoan kuasa. Di pihak PR/PH pula, ekoran melihat kepada keburukan BN, penggunaan kuasa lembut telah mengakibatkan PR/PH lupa tujuan asas perjuangan parti mereka sendiri. Selain itu, strategi lain seperti sosial, keselamatan dan perpaduan kaum tidak harus dialpakan untuk mendapatkan kuasa. Segala strategi yang digunakan oleh BN dan PR/PH akan menentukan kelangsungan hayat parti masing-masing.

RUJUKAN

- Abdullah, W. J. 2017. Bringing Ideology In: Differing oppositional challenges to hegemony in Singapore and Malaysia. *Government and Opposition*, 52(3), 483-510.
- Besar, J. A., Fauzi, R., Ghazali, A. S., Abdullah, M. A., Ali, M., & Yusof, A. R. M. 2014. Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(4), 28-38.
- Gillis, Malcom, Dwight H. Perkins, Michael Roemer, and Donald R. Snodgrass 1996: *Economics of development*. W. W. Norton & Company, New York.
- Graboś, R. 2005. Qualitative model of game theory. In *International Conference on Modeling Decisions for Artificial Intelligence* (pp. 47-58). Springer, Berlin, Heidelberg.
- Hamil, J. H., Saifullah, F. A. I., Suhaimi, M., Rahman, A., Mustafa, M., Kamaruddin, R., & Noor, M. 2014. Ikhtisar analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(4), 39-53.
- Hassan, M. S., Allam, S. N. S., Azni, Z. M., & Khamis, M. H. 2016. Social media and political participation among young people. *Jurnal Sains Sosial, Malaysian Journal of Social Sciences*, 1(1), 95-114.
- Ibrahim, A. 1 Januari 2014. Barang naik harga, rakyat tanggung bahana. *Malaysian Inside*. Diterima daripada <http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/barang-naik-harga-rakyat-tanggung-bahana-dr-azman-ibrahim#sthash.p1YV9fWZ.dpbs>
- Jing, H. F. 2017. The Disclosure of Media Framing between Bloggers in Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare Vol, 9*, 1-22.
- Lambertini, L. 2011. *Game theory in the social sciences: a reader-friendly guide*. Taylor & Francis.
- Lee, C. 2013. Malaysia's GE13: A tale of two manifestos. *ISEAS Perspective*, 24, 1-11.

- Micklich, D. L. 2014. The thinking steps model in game theory: a qualitative approach in following the rules. *Developments in Business Simulation and Experiential Learning*, 34.
- Miller, P., & Rose, N. 2017. Political power beyond the state: Problematics of government. In *Foucault and Law* (pp. 191-224). Routledge.
- Mohamed Ariff dan Syarisa Yanti Abu Bakar. 1999. The Malaysian Financial Crisis: Economy Impact and Recovery Prospects. *The Developing Economies*. 4, 417-438.
- Mohamed, B. A. 2008. Lima puluh satu tahun dominasi Barisan Nasional dalam politik Malaysia: Suatu analisis. *Prosiding Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti. 789-802.
- Mohammed, N. 2008. Alam dan sistem politik Malaysia: Satu pandangan holistik mengenai wibawa media dalam konteks budaya politik Malaysia. *Prosiding Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti. 13-26.
- Murray, G. & Chesters, J. 2012. Economic wealth and political power in Australia. *Labour History*, (103), 1-16.
- Murugesu, J., & Sakaran, C. 2018. Linkages of the Malaysian Share Market with Developed Bourses. *IUP Journal of Applied Finance*, 24(1), 21-29.
- Mustonen, J. J. 2010. Case study: hard power or soft power? Institute for Cultural Diplomacy. Diterima daripada <http://www.culturaldiplomacy.org/pdf/case-studies/searching-for-chinas-use-of-soft-power-in-the-ecfa-with-taiwan.pdf> pada 10 Jun 2015.
- Nye, J. S. 2004. *Soft power: The means to success in world politics*. PublicAffairs.
- Omar, S. R., Mat, A., Najjah, N., Hamid, A., & Fazilah, N. 2008. Sosialisasi politik pasca Pilihan raya ke-12, Mac 2008. *Prosiding Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti. 697-704.
- Ong, E. 2018. Opposition Coalition Signaling and Its Limits: Evidence from Survey Data in Malaysia.
- Osborne, M. J. 2004. *An introduction to game theory* (Vol. 3, No. 3). New York: Oxford university press.
- Pallaver, M. 2011. *Power and its forms: hard, soft, smart* (Doctoral dissertation, London School of Economics).
- Prisner, E. 2014. *Game theory: through examples*. Mathematical Association of America.
- Ranta, P. 2017. Malaysia's and Indonesia's Recovery from the Asian Financial Crisis: Comparison and Causes behind the Recovery.
- Rose, N., & Miller, P. 1992. Political power beyond the state: problematics of government. *British journal of sociology*, 43(2), 173-205.
- Sabri, A., & Sani, A. Z. 2008. Suasana politik selepas pilihan raya ke-12 dalam lingkungan 200 hari/Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. *Prosiding Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti. 736-746.
- Salman, A., & Hasim, M. S. 2011. New media and democracy: the changing political landscape in Malaysia. *Akademika*, 81(1), 15-21.
- Sani, M. A. M. 2009. *The public sphere and media politics in Malaysia*. Cambridge Scholars Publishing.
- Shah, H. J., Khattak, C. Q. A., & Attiq, S. 2016. Soft Power and its Efficacy: A Case Study of Pakistan. *IPRI JOURNAL*, 16(2), 119-139.
- Soft Power 30. Diterima daripada <http://softpower30.portland-communications.com/ranking> pada 28 Julai 2015.
- Taqiuddin Mohamad, M., TamkinBorhan, J., & Sulaiman, A. A. 2014. Krisis kewangan global: kestabilan dan karakteristik unik perbankan islam. *Jurnal Syariah*, 22(1), 57-86.

- Wagner, C. 2005. From hard power to soft power? Ideas, interaction, institutions, and images in India's South Asia policy. Diterima daripada <http://archiv.ub.uni-heidelberg.de/volltextserver/5436/1/hpsacp26.pdf> pada 12 Jun 2015.
- Wilson, E. J. 2008. Hard power, soft power, smart power. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 616(1), 110-124.
- Zakaria, N., & Sulaiman, N. 2008. Media alternatif sebagai agen perluasan ruang bersuara kajian kes pilihan raya umum ke-12. *Prosiding Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti. 249-260.

Muhd Afiq Syazwan Ahmdon

Calon Sarjana di Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya.
afiqsyazwan8888@gmail.com

Haslina Muhamad (PhD),

Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya.
haslina_m@um.edu.my

Noor Sulastry Yurni Ahmad (PhD),

Profesor Madya di Sekolah Perniagaan Othman Yeop Abdullah
Universiti Utara Malaysia
nsya77@yahoo.com

Filzah Md Isa (PhD)

Profesor Madya di Sekolah Perniagaan Taylor's
Fakulti Perundangan dan Perniagaan
Taylor's University
FilzahMdIsa@taylors.edu.my